

Lebuhraya 3 pergunungan idaman Dr. M

BUKIT FRASER, Ahad — Malaysia akan mempunyai sebuah lebuhraya pergunungan menyambungkan tiga puncak peranginan iaitu Bukit Fraser, Genting Highland dan Cameron Highland yang akan melambungkan keindahan kawasan pergunungan Malaysia untuk dinikmati oleh semua rakyatnya.

Inilah yang menjadi idaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad un-

tuk dinikmati oleh rakyat Malaysia masa depan.

Perdana Menteri melahirkan idamannya ini ketika berada di Bukit Fraser hari ini melawat projek pertanian perindustrian makanan Malaysia di situ.

Katanya, di sepanjang lebuhraya pergunungan itu nanti akan dibangunkan pusat-pusat perbandaran kecil dengan perhentian peranginan untuk pelancong.

"Keindahan pergunungan Malaysia sepatutnya dinikmati oleh

semua rakyatnya," ujar beliau.

Bagaimanapun idaman itu tidak mungkin dapat dinikmati oleh beliau sendiri seperti katanya, "mungkin idaman ini akan wujud lima puluh tahun lagi."

"Walaupun saya tidak dapat menikmatinya, biarlah anak-anak dan cucu-cucu kita nanti menikmatinya asalkan kita yang mengasaskannya," tambah beliau.

Menyentuh projek pertanian FIMA, Perdana Menteri menerangkan, sebagai sebuah negara berhawa panas, Malaysia masih mampu menjalankan pertanian sejuk seperti negara Barat melalui kawalan cuaca.

Projek hidroponik iaitu menanam pokok buah-buahan di atas mendapan pasir merupakan satu projek FIMA yang diilhamkan oleh Perdana Menteri sendiri semasa beliau mempengerusikan FIMA dahulu.

Pokok-pokok tersebut tidak ditanam di atas tanah bagi mengelakkan serangan serangga dan bakteria yang terdapat di dalam tanah.

FIMA kini mempunyai 159 unit hidroponik yang ditanam dengan pokok tembikai dan tomato.

Perdana Menteri selanjutnya menjelaskan, sekiranya projek tersebut membuktikan kejayaan cemerlang maka usaha sedemikian akan dipergiatkan lagi.

Perdana Menteri serta isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah menghabiskan kira-kira empat jam melawat projek pertanian FIMA yang terletak kira-kira enam kilometer dari pusat peranginan Bukit Fraser.

Beliau diiringi oleh Pengerusi FIMA, Datuk Haji Basir Ismail dan Pengarah Urusannya, Encik Mohd. Ramli Kusairi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia